

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : SELANGOR & KL

Hospital Selayang meraikan ulangtahun ke-20

SELAYANG - Hospital Selayang meraikan ulang tahun ke-20 penubuhan pada satu majlis bertemakan 'Dua Dekad Memacu Kegemilangan' di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahya yang hadir pada majlis seribu memori itu turut merasmikan seterusnya melancarkan 'e-Buku 20 Tahun Hospital Selayang'.

Hospital Selayang dalam satu kenyataan media memberitahu, pada majlis sama pihaknya turut meraikan warga pesara yang menyumbang bakti kepada Hospital Selayang.

"Tidak dilupakan jasa dan pengorbanan pasukan perintis dan pasukan projek 'from vision to reality' menempuh suka duka menjadikan Hospital Selayang, hospital multimedia pertama di Malaysia.

"Turut meraikan sebahagian warga kerja yang mengisi ruang menjadikan Hospital Selayang kekal relevan, terus memainkan peranan dalam memenuhi piawaian jagaan pesakit, latihan dan pembelajaran berterusan, penyelidikan dan promosi kesihatan," katanya.

Menurutnya, sejak mula beroperasi pada tahun 1997, jumlah pesakit berdaftar di Hospital Selayang sehingga 7 Disember lalu mencecah 1,348,949 orang.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 36

RUANGAN : PAHANG

Masyarakat luar bandar harus memanfaatkan Kospen

BENTONG - Orang ramai terutamanya penduduk luar bandar perlu memanfaatkan program Komuniti Sihat Perkasa Negara (Kospen) anjuran Kementerian Kesihatan yang bertujuan menangani penyakit tidak berjangkit.

Yang Dipertua Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Bentong, Dr Mohamad Erhan Rahimi Ab Rahman berkata, orang ramai tidak perlu berulang-alik ke klinik atau hospital, sebaliknya hanya perlu bertemu sukarelawan Kospen.

"Melalui penyertaan Kospen, penduduk boleh meminta sukarelawan Kospen yang terdiri daripada penduduk kampung terlatih untuk menjalankan pemeriksaan saringan kesihatan pada peringkat awal sebelum dirujuk ke hospital sekiranya berisiko tinggi.

"Saya mahu semangat sukarelawan ini diterjemahkan di kampung-kampung supaya gaya hidup sihat dapat diamalkan secara berterusan dan masyarakat terutama di luar

bandar digalakkan menyertai sukarelawan Kospen bagi membantu mencegah penyakit kronik," katanya.

Menurutnya, langkah awal menjaga kesihatan dan mengamalkan gaya hidup sihat penting kerana negara ini mempunyai peratusan penduduk dewasa tertinggi menghadapi obesiti, diabetes dan hipertensi di Asia.

"Kospen adalah satu transformasi perkhidmatan kesihatan awam dalam usaha agresif memberi pengetahuan dan kesedaran masyarakat tentang pencegahan penyakit tidak berjangkit kepada amalan harian mudah yang mampu memberi kesan positif ke atas tahap kesihatan.

"Inisiatif ini juga salah satu usaha meningkatkan mutu kesihatan rakyat Malaysia melalui pemeriksaan serta perluasan penglibatan masyarakat dalam program kesihatan awam dengan menggabungkan mekanisme kerajaan sedia ada terutamanya di peringkat akar umbi," katanya.



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA

Jangan ambil suplemen kesihatan tanpa nasihat pakar

ALORSETAR – Individu yang sihat tubuh badan dan tiada sebarang masalah kesihatan tidak perlu mengambil makanan tambahan kesihatan atau suplemen.

Ketua Jabatan Dietetik dan Sajian Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di sini, Khairul Nizam Mat Nayan berkata, individu yang sihat jangan sesekali mengambil makanan tambahan itu untuk penjagaan kesihatan berdasarkan diagnosis sendiri

semata-mata tanpa mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar terlebih dulu.

Beliau menarik perhatian bahawa pengambilan makanan tambahan itu yang berlebihan sememangnya tidak memudaratkan kesihatan dalam tempoh jangka pendek, namun dikhawatiri boleh merosakkan organ dalaman bagi jangka panjang.

"Contohnya pengambilan vitamin larut lemak seperti A, D, E dan K yang melebihi

akan memberikan kesan kepada hati. Sungguh pun vitamin-vitamin ini diperlukan oleh tubuh badan, tetapi ia sebenarnya boleh didapati dengan mudah dan mencukupi daripada makanan semula jadi yang dimakan.

"Sekiranya kita terlalu berlebihan mengambil vitamin tambahan ini, ia akan terkumpul dalam hati yang lamakelamaan akan menjadi toksin sehingga

menjejaskan fungsinya," kata beliau ketika ditemui *Bernama* di pejabatnya di HSB baru-baru ini.

Khairul Nizam berkata demikian bagi mengulas kesan lambakan produk makanan tambahan untuk kesihatan dan kecantikan yang dijual secara online dengan keberkesanan produk itu kebanyakannya hanya berdasarkan testimoni pembeli semata-mata tanpa bukti saintifik kukuh.